

11/03/1998

Mekanisme tangani masalah Y2K

SATU mekanisme khas akan diperkenalkan untuk mengawasi langkah yang diambil syarikat swasta dalam menangani masalah Millennium Bug (Y2K).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, berkata kerajaan sedang merangka satu kaedah kemungkinan syarikat akan diberi sijil khas untuk menunjukkan mereka sudah melaksanakan tanggungjawab memastikan sistem komputer mereka bersedia menghadapi tahun 2000.

"Semua Ketua Eksekutif (CEO) perlu memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah Y2K di pertubuhan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Majlis Rangkaian Perkhidmatan Digital Bersepadu Asia ke-20 (AIC) di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Masalah Y2K merujuk kepada ketidakupayaan komputer untuk membaca tahun "00" sebagai tahun 2000 kerana angka itu juga melambangkan tahun 1900 dalam sistem dua angka.

Menurutnya, sekiranya CEO tidak komited untuk memastikan rangkaian komputer mereka diperiksa dengan betul, menjelang tahun 2000 pasti akan timbul masalah yang tidak harus dibiarkan kepada pengaturcara komputer untuk menyelesaikannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada Januari lalu, melahirkan kebimbangan berhubung kurangnya tindakan segera di kalangan syarikat kecil dan sederhana di negara ini dalam menangani masalah Y2K.

Mengenai cadangan Pasukan Petugas Y2K NITC untuk menubuhkan sebuah biro Y2K dan membubarkan pasukan petugas itu, beliau berkata ia perlu merujuk perkara itu dengan NITC.

Beliau berkata, kementeriannya juga perlu berbincang dengan NITC mengenai peranan dan pembabitannya dalam menangani isu itu serta memastikan tidak ada pertindihan kerja di antara kedua-dua pihak.

"Perkara yang penting ialah industri dan agensi kerajaan sudah cukup bersedia dengan isu Y2K. Ada kalanya beberapa pertubuhan memandang ringan perkara ini... dan apabila tahun 2000 muncul pasti akan berlaku masalah," katanya.

Kira-kira 140 orang termasuk 69 dari luar negara menghadiri persidangan lima hari itu untuk membincangkan isu-isu mengenai ISDN.

Mengenai penekanan agar Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) menggunakan teknologi ISDN, beliau berkata, matlamatnya adalah memberikan perkhidmatan lebih baik daripada segi kecepatan, kualiti audio dan visual dalam Internet.

"ISDN akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna Internet. Jika kita berhubung menggunakan talian telefon biasa, kualiti dan kecepatan yang dapat diakses kurang memuaskan," katanya.

AIC, sebuah pertubuhan yang tidak mencari keuntungan, ditubuhkan pada 1988 dan mempunyai lapan negara anggota - Jepun, Korea, Filipina, Singapura, Thailand, Indonesia, China dan Malaysia.

(END)